

07/04/1998

PM serah lembu korban

ALOR STAR, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan tiga lembu korban untuk tiga masjid dan seekor lembu kepada keluarga anggota tentera, di sini hari ini.

Lembu berkenaan adalah untuk Masjid Padang Limau, Tunjang; Kampung Sawah Besar, Pendang dan Masjid Titi Gajah, dekat Alor Star. Seekor lagi adalah untuk anggota tentera dan keluarga mereka di Kem Tok Jalai, dekat Kepala Batas.

Pagi esok Dr Mahathir akan menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit sebelum menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, Alor Star.

Beliau juga akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra, mulai jam 10 pagi hingga 1 tengah hari.

(END)